

**REMAJA DAN KEUPAYAAN MENGISI NEGARA MAJU :  
Suatu Analisis Situasi Masa Kini<sup>1</sup>**

**Azimi Hamzah, Ed. D.<sup>2</sup>**

**Turiman Suandi, Ph.D**

**Pengenalan**

Negara sedang menuju ke arah sebuah negara maju. Begitulah yang sedang dirasakan oleh ramai rakyat Malaysia dari golongan muda sampailah yang tua. Anak-anak di sekolah rendah pun sudah boleh menyebut Wawasan 2020; apatah lagi golongan remaja (walau apapun maknanya kepada mereka). Masa beredar begitu pantas. Perubahan demi perubahan berlaku, dan setiap kali berlaku satu perubahan akan mewujudkan satu perubahan yang lain dan begitulah seterusnya. Seorang remaja yang sekarang ini berusia 15 tahun akan berumur 39 tahun pada tahun 2020. Pada masa itu ia telah mencapai umur kedewasaan dan kematangan. Mungkin kalau ia berumahtangga pada usia 25 tahun, ia telah mempunyai satu hingga lima orang anak; di mana anak yang sulung berusia 13 tahun. Tentu sekali remaja yang dinyatakan di atas mungkin belum dapat membayangkan itu semua. Apa yang diandaikan juga belum pasti berlaku. Tetapi peranan kita yang dewasa ialah untuk membimbing mereka supaya mereka dapat merealisasikan Wawasan 2020 serta seterusnya mengisi cabaran negara maju. Remaja mempunyai potensi dan bakat yang tinggi. Walau bagaimanapun, potensi ini tidak memberikan sebarang makna jika tidak diserlahkan. Kertas kerja ini cuba memaparkan situasi remaja masa kini berdasarkan kajian dan pemerhatian serta pengalaman penulis selama terlibat dengan belia termasuk golongan remaja.

**Imej Remaja Dari Pandangan Masyarakat**

Sebelum penulis membincangkan apakah keupayaan remaja dalam mengisi negara maju, elok rasanya dikongsi bersama maklumat mengenai pandangan masyarakat terhadap remaja. Masyarakat memandangkan remaja dalam dua keadaan ekstrim. Satu pihak memandangkan remaja sebagai satu golongan yang sering menimbulkan masalah dan kerenah, tidak mendengar kata, tidak menghormati orang tua, ikut kata dia saja, melawan kata orang tua, suka merajuk dan mengugut, pentingkan diri sendiri dan tidak kisah orang lain, suka melepak dan berseronok tidak tentu masa dan banyak lagi. Satu lagi pihak

melibatkan remaja sebagai satu golongan yang mempunyai bakat dan potensi yang tinggi di mana sekiranya diasuh dan didik dengan baik akan dapat memberikan sumbangan yang besar kepada keluarga, masyarakat dan negara. Remaja mempunyai daya cipta dan daya fikir yang tinggi, bermotivasi, bertenaga, ceria, suka membantu, dan banyak perkara baik lain yang mampu dilakukan oleh remaja.

Persoalan yang mungkin timbul di sini ialah mengapa dua pandangan ini boleh mewujudkan mengenai dua subjek yang sama. Tentu sekali berlaku kerana kita semua mengalami perkara yang berbeza. Maksudnya, sepasang ibu bapa mungkin menghadapi masalah mendisplinkan anak-anak sehingga tidak mampu untuk menyuruh anak-anak remajanya bersembahyang. Tetapi ada pasangan suami isteri yang lain dapat mewujudkan suasana kekeluargaan yang harmoni di mana anak-anak mereka sendiri memberikan keceriaan dan kecemerlangan dalam rumahtangga. Jika dihakusi, penulis yakin keadaan ini akan bukan berlaku dengan sendirinya. Keadaan yang wujud ini merupakan natijah dari apa yang telah dilakukan oleh ibu bapa anak-anaknya. Ini bermakna bahawa remaja perlu dibentuk dari awal sehinggalah menuju ke alam dewasa. Ibu bapa perlu mengetahui siapa sebenarnya remaja. Relaitinya lebih ramai anggota masyarakat yang memandang remaja secara negatif berbanding dengan yang memandang dari sudut positif.

Berdasarkan dua keadaan ini, siapa sebenarnya remaja? Berbagai definisi telah cuba dipaparkan oleh para penulis dan pengkaji mengenai remaja. Istilah remaja dalam bahasa Inggeris ialah *adolescence* dan perkataan ini berasal dari perkataan Latin yang bermaksud membesar ke arah kematangan. Keremajaan bukannya satu jangka masa bahkan lebih merupakan satu proses ke arah pembentukan sikap dan kepercayaan yang diperlukan untuk penglibatan yang berkesan dalam masyarakat. Tahap remaja merupakan satu masa untuk pertumbuhan fizikal, satu rentangan usia, satu tahap dalam pertumbuhan, satu titik persinggahan dan sebagai satu fenomena sosiobudaya (Rogers, 1981).

### **Situasi Remaja Masa Kini**

Beberapa pemerhatian telah dibuat melalui kajian dan pengalaman penulis mengenai remaja masa kini di Malaysia dan bagaimana permasalahan ini akan memberikan implikasi kepada usaha mengisi negara maju. Semua pemerhatian ini perlu diteliti dan dihalusi dengan ikhlas supaya rangka tindakan dapat dibuat dengan wajar.

#### ***Pemerhatian 1***

Seperti yang telah dinyatakan di atas, remaja dipandang lebih kepada yang negatif berbanding dengan yang positif. Remajalah golongan yang menimbulkan berbagai kerenah dan merunsingkan golongan dewasa. Lebih banyak kejadian jenayah dan salah laku yang dilakukan oleh remaja yang dilaporkan dan dipaparkan di media massa. Oleh kerana tidak banyak perkara positif yang ditimbulkan, maka iklim kehidupan remaja seolah-olah tiada harapan lagi. Keadaan ini menimbulkan situasi yang tidak selesa bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada remaja itu sendiri. Semua paparan-paparan negatif tersebut telah menyebabkan remaja semakin 'sengaja' melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan nilai budaya dan agama.

#### ***Pemerhatian 2***

Kesan daripada pandangan masyarakat yang lebih berat kepada yang negatif terhadap remaja telah menyebabkan ramai remaja yang melihat diri mereka sendiri secara negatif. Dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam diri remaja dari segi perasaan, psikologi, pemikiran dan fizikal, tekanan dari luar termasuk pandangan masyarakat terhadap mereka telah menyebabkan ramai remaja yang tidak dapat menjawab dengan yakin apabila ditanya mengenai kekuatan dan kelemahan diri mereka. Ini bermakna mereka tidak mempunyai konsep sendiri yang kukuh. Jika sekiranya pandangan masyarakat terhadap remaja lebih positif, maka lebih mudah untuk remaja membentuk pandangan yang positif terhadap diri sendiri. Mereka akan lebih yakin dan mampu melakukan kegiatan yang positif dan memberikan kesan yang baik. Dengan itu masyarakat akan nampak bakat remaja.

#### ***Pemerhatian 3***

Lokasi atau tempat tinggal remaja sama ada di bandar, pinggir bandar atau perdesaan tidak memberikan kesan yang berbeza kepada perlakuan remaja. Keterlibatan remaja dalam banyak kegiatan salah laku berlaku di semua tempat.

Perkara ini boleh berlaku kerana kemajuan teknologi maklumat yang begitu meluas sehingga tiada individu yang boleh terlepas peluang untuk mendapatkan perkhidmatan maklumat. Rujukan utama kepada peringkat usia remaja ialah rakan sebaya. Ibu bapa mungkin rujukan remaja yang ketiga atau keempat. Oleh itu, apabila ibu bapa atau penjaga tidak lagi menjadi rujukan utama remaja, maka dengan adanya media massa yang semakin diperluaskan sebarannya dari semasa ke semasa, remaja berpeluang untuk berinteraksi dengan remaja lain untuk memenuhi keperluan mereka. Sebab itulah mereka lebih mudah untuk melakukan perkara-perkara yang terkeluar dari kehendak budaya dan agama.

#### **Pemerhatian 4**

Remaja kini telah mula terikut-ikut dengan apa yang dipanggil *discontinued society* yang selama ini diamalkan di Barat di mana setelah seseorang mencapai usia tertentu (misalnya 18 tahun) maka dia bebas mengamalkan apa juga amalan selama ini tidak boleh diamalkan. Dalam Islam setelah seseorang itu mencapai umur baligh, adalah tertakluk kepada melakukan apa yang diperintah oleh Allah swt dan meninggalkan apa yang dilarang. Tetapi apa yang berlaku sekarang kepada ramai remaja ialah setelah tamat sekolah menengah rendah maka mereka mula melihat kebebasan sebagai matlamat mereka. Apatah lagi sekarang ini kilang-kilang menggamit mereka untuk memasuki universiti kedua ini. Jadi, apa yang mereka pelajari termasuk nilai-nilai murni di sekolah rendah terputus begitu sahaja apabila mereka menjejakkan kaki di sekolah menengah. Keadaan ini lebih meruncing lagi apabila mereka menjejaki ke universiti di mana pengawasan ibu bapa dan penjaga semakin renggang. Dengan persekitaran yang begitu mencabar sekali, remaja mula terikut-ikut dengan budaya barat yang negatif.

#### **Pemerhatian 5**

Kewujudan kilang yang tumbuh dengan pesatnya telah menjadi satu tarikan yang kuat kepada para remaja yang inginkan 'glamour' dalam kehidupan mereka. Rakan-rakan mereka yang bekerja di kilang tanpa memasuki universiti telah dapat membeli motorsikal yang mahal-mahal menjadi impian remaja. Aspirasi mereka untuk mendapatkan apa yang rakan mereka dapat setelah bekerja di kilang menjadi begitu tinggi sehingga kepentingan akademik menurun dengan begitu ketara sekali. Kalau mereka masuk ke universiti mereka belum tentu akan mendapat motorsikal dan ibu bapa mereka juga tidak mampu membelinya. Jadi, bekerja adalah alternatif yang terbaik ketika itu.

**Pemerhatian 6**

Remaja tidak mempunyai model hidup yang boleh mereka contohi. Kalau adapun model hidup, model tersebut merupakan model yang bukan dapat membantu mereka membentuk sahsiah yang baik. Misalnya kalau ditanya siapa tidak kenal dengan Micheal Jackson. Bila ditanya tentang Imam Al Ghazali misalnya ramai yang tidak tahu. Jadi jika dibuat perbandingan di antara seorang remaja Muslim dengan bukan Muslim tidak banyak bezanya.

**Pemerhatian 7**

Remaja sememangnya 'gregarious' iaitu suka berkelompok dan mempunyai ramai kawan. Ciri tersebut memang jelas kepada remaja. Tetapi oleh kerana sifat ini tidak disalurkan secara positif maka mereka begitu mudah terjerumus kepada kegiatan yang negatif. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya minat masyarakat untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukarela yang mana menyebabkan remaja mengambil jalan sendiri-sendiri.

**Pemerhatian 8**

Mempunyai 'makwe'dan 'pakwe' memang menjadi sebutan remaja walaupun di sekolah rendah lagi. Walaupun mereka belum membentuk secara fizikal tetapi pemikiran mereka terlalu cepat 'matang'. Suasana ini jika dibiarkan berterusan akan mewujudkan suasana yang lebih serius sehingga ke suatu tahap di mana perkara mungkar dipandang normal oleh remaja.

**Pemerhatian 9**

Remaja memang mudah dipengaruhi dan terpengaruh. Persekitaran yang sedia ada tentu sekali sukar diubah. Tetapi apa yang boleh dibuat ialah mereka perlu diberikan *empowerment* supaya mereka dapat menangani persekitaran mereka. Masyarakat sekeliling perlu bersatu dalam usaha membantu remaja mendapatkan *empowerment* tersebut. Remaja yang *empowerment* akan dapat membezakan yang baik dan buruk dan dapat menentukan arah masa depan mereka. Mereka sebenarnya berpotensi untuk menjadi individu yang mampu membentuk kehidupan sepertimana yang dikehendaki oleh masyarakat, agama dan negara.

**Pemerhatian 10**

Ketika ini media massa mendedikasikan apa yang remaja patut buat. Iklan-iklan televisyen memberikan impak yang begitu kuat sekali kepada kehidupan remaja. Pemerhatian penulis terhadap remaja dari 10 orang remaja di dalambas, 5 orang membawa 'walkman'. Cara gaya hidup remaja begitu dipengaruhi media walaupun apa yang dipertontonkan kadangkala tidak menggambarkan keadaan sebenar. Model-model yang memperagakan pakaian adalah golongan yang tidak *representative* kepada majoriti remaja yang menonton.

**Pemerhatian 11**

Ramai remaja yang kehausan belaian. Dalam diri mereka masih terdapat sifat lembut yang belum diserlahkan. Sekiranya diserlahkan mereka bersedia untuk mencari yang suci'. Apabila mereka dikaitkan dengan pengorbanan ibu bapa, dan orang dewasa, mereka boleh menghargai. Remaja mungkin rata-rata tidal mendapat iklim yang membentuk keperibadian mereka. Usaha-usaha untuk mengeluarkan remaja dari kesempitan jiwa yang uzur masih perlu dipentingkan.

**Pemerhatian 12**

Terdapat situasi di mana remaja-remaja diasak dengan kelas-kelas tuisyen untuk maksud kecemerlangan akademik. Situasi begini membuat kehidupan mereka menjadi rutin dan membawa kepada beban dan kebosanan. Dari satu sudut, ini boleh meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, dari sudut yang lain mereka menjadi *stereotype* dan kurang berkeupayaan menggunakan kesemua diri – jasad, akal dan roh. Mereka menjadi begitu terarah dan mengakibatkan mudah tegang dan tertekan. Sekiranya ini berterusan remaja boleh hilang stamina untuk menekan perjuangan. Suasana begini akan bertambah gawat apabila persekitaran lebih mementingkan kecemerlangan luaran. Golongan remaja adalah kumpulan 'fragile'. Mereka mudah terkeluar dari landasan. Walaupun mereka mempunyai potensi kepakaran dan keupayaan, tanpa agenda dalam pembentukan sahsiah mereka mudah hilang keperibadian.

**Wawasan 2020 Dan Keupayaan Remaja Merealisasikannya**

YAB Perdana Menteri Malaysia telah menggariskan sembilan cabaran sebagai prasyarat kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara maju. Penulis fikir penting untuk kita merenung kembali sembilan cabaran dan

kemudian tanya diri kita sendiri apakah remaja sekarang ini mampu dan berupaya untuk menangani kesembilanan cabaran tersebut.

### ***Cabaran pertama***

Prospek negara maju meletakkan Malaysia dalam kancah perkembangan mutahir global dari perspektif geo-ekonomi, gaya hidup dan budaya, kepimpinan pengurusan yang berubah. Pengurusan ilmu biologi, konsep langit terbuka yang berkaitan dengan teknologi maklumat yang menjangkau batasan dan seumpamanya. Dengan kata lain, negara akan menghadapi pembangunan yang pesat dengan penerokaan dalam bidang-bidang yang amat mencabar. Umpamanya pendekatan pembangunan ekonomi akan beralih dari tumpuan kepada pelaburan kepada pemantapan kualiti tenaga kerja dan penggunaan model, peningkatan kapasiti pengeluaran dan juga sumber manusia untuk dieksport, memperluaskan jalinan dan perasingan global di samping meningkatkan persekitaran yang kondusif untuk pihak swasta terus berkembang dan meningkatkan kesungguhan dalam penyelidikan dan pembangunan bagi memperkukuhkan keupayaan teknologi dan teknologi maklumat dalam menyumbang kepada pembangunan yang pesat. Dalam konteks pembinaan remaja sekiranya dilihat sekali imbas kepada prospek negara maju perancang akan terperangkap dengan penyediaan golongan remaja berasaskan pembinaan minda bagi meningkatkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

### ***Cabaran Kedua***

Rangka penyediaan remaja belia adalah berasaskan pembentukan mereka sebagai rakan pembangunan. Dalam menghadapi pengisian negara maju semestinya negara memerlukan rakan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran, yang boleh dipercayai iaitu beramanah yang sedia berkorban, yang komited, yang taat dan beradab, yang peka dengan tuntutan semasa berdasarkan pergolakan dalam dan luar negeri, yang mempunyai daya tahan dan daya juang yang cekal, yang berkeyakinan serta sifat-sifat mahmudah yang lain. Remaja yang akan diproses sebagai aset memerlukan rangka penyerlahan potensi positif serta produktif. Selanjutnya potensi yang telah diserlahkan itu perlu disalurkan ke arah pemantapan diri mereka sebagai rakyat atau individu cemerlang (merangkumi hamba cemerlang, anak/ibu bapa cemerlang, pelajar/pekerja cemerlang). Atas maksud ini sebarang rangka pembinaan remaja perlu bermula dengan membincangkan falsafah, fokus, matlamat, program serta

strategi yang relevan dengan pembangunan golongan remaja masa kini dan akan datang dengan mengambil kira prospek yang wujud di dalam dan luar negara.

### ***Cabaran Ketiga***

Penyediaan remaja dalam prospek negara maju tidak boleh tidak hendaklah berasaskan falsafah mewujudkan sahsiah belia yang seimbang dengan menumpukan pembangunan minda dan jasad dalam ruang lingkup kerohanian. Suasana pembangunan pesat yang mencabar keperibadian manusia tidak boleh ditangkis melalui pembangunan sendiri, kepakaran, kemahiran, fizikal, kebendaan, sukan, kepimpinan, perpaduan dan kebudayaan yang terasing dari pembangunan rohani. Para belia yang boleh berfungsi sebagai rakan pembangunan ialah belia yang berkeupayaan meningkatkan kualiti diri (dari segala aspek) dan komited untuk meningkatkan kualiti orang lain yang merangkumi keluarga, masyarakat, organisasi dan negara.

### ***Cabaran Keempat***

Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika serta kukuh dengan nilai agama dan jiwa. Matlamat pembangunan remaja perlu dilihat dari sudut relaiti masa kini dan dibandingkan dengan keadaan yang sepatutnya bagi menghadapi segala perubahan dan cabaran menjelang negara mencapai taraf negara maju. Matlamat jangka pendek, sederhana dan panjang dibentuk berasaskan jurang tersebut dengan mengambilkira pengisian peribadi dan sinergi belia dan negara sebagai pewaris kepimpinan negara. Perlu ditegaskan juga yang tiap-tiap matlamat perlu diolah sebagai objektif-objektif khusus sesuai dengan keperluan spesifik mengikut kumpulan dan umur dengan pemupukan kerohanian sebagai paksi.

Sebagai pembangunan remaja bagi menghadapi cabaran negara maju/semestinya berlandaskan penggemblengan semua badan, kerajaan dan bukan kerajaan secara bersepadu. Mekanisme ini menentukan semua badan dan institusi yang ada kaitan dengan remaja bertindak dengan falsafah, objektif dan program ke arah pencapaian matlamat yang telah dikenalpasti serta dipersetujui bersama. Pendekatan bersepadu ini merupakan satu proses di mana badan dan institusi yang terlibat diselaraskan dan diawasi secara berterusan oleh sebuah pusat yang berwibawa yang mempunyai sistem jaringan komunikasi di semua tahap pentadbiran. Untuk terus mantap dalam menuju wawasan, pendekatan dan kaedah bersepadu ini memerlukan sokongan yang padu dari aspek dasar yang



dikuatkuasakan, maklumbalas dari badan khas R&D remaja serta komitmen secara profesional dari pihak kepimpinan negara. Perlu juga diingatkan bahawa institusi-institusi tradisional pembangunan remaja seperti keluarga, pertubuhan serta masjid dan surau adalah merupakan agen yang perlu diberi nafas baru agar pembangunan remaja Malaysia tidak terkeluar dari acuannya.

Perbincangan di atas telah menggariskan aspek-aspek pembangunan remaja bagi mengisi negara maju dan sekaligus meningkatkan martabat negara. Teras pembinaan golongan ini merangkumi aspek-aspek peningkatan kekuatan dalaman/kerohanian, peningkatan kualiti sahsiah mulia yang berkeupayaan membawa kebaikan kepada diri, keluarga, masyarakat, negara dan ummah, peningkatan kualiti minda/intelek, peningkatan kualiti pengurusan dan kepimpinan, peningkatan kepakaran dalam bidang-bidang yang diceburi, dan peningkatan penghayatan tentang pergolakan global yang boleh mengancam kestabilan ummah. Oleh yang demikian adalah wajar program-program pembinaan remaja sebagai pewaris negara yang luhur memberi tumpuan kepada

- i. Pembinaan sahsiah yang berasaskan kekuaran kerohanian dan akhlak.
- ii. Pembinaan gaya hidup, budaya mencari ilmu diamal dan *worldwide* yang sihat serta bertamadun.
- iii. Penyediaan minda dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan negara dan menghadapi saingan global.
- iv. Pembinaan pemimpin pelapis yang lebih berwibawa.

### **Kesimpulan**

Melentur buluh biar dari rebungunya. Bagaimana acuan begitulah kuihnya. Bapa borek anak rintik. Itulah di antara pepatah yang meminta kita merenung lebih serius lagi tentang bagaimana cara yang terbaik untuk mencorakkan remaja sekarang ini sebagai persediaan untuk mengisi negara maju. Perlu diingati, dalam kebanyakan situasi bahawa remaja bukan tanpa potensi, keupayaan mahupun keinginan tetapi rata-rata mereka adalah tanpa bimbingan. Bimbingan dari orang yang lebih dewasa adalah penting kepada remaja. Remaja mengharapkan bimbingan yang boleh membawa kepada pencapaian barat masyarakat dan negara tanpa mengabaikan hasrat remaja itu sendiri. Program-program yang dijalankan perlu diberikan nama yang sesuai dengan jiwa remaja. Matlamatnya masih sama iaitu ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

## Rujukan

Azimi Hamzah (1996), ***Rangka Kerja dan Keutamaan Pembinaan Belia Dalam Prospek Rancangan Malaysia Ke-78***. Kertas kerja dibentangkan di INMIND.

Azimi Hamzah & Turiman Suandi (1996), ***Isu dan Cabaran Dalam Pembangunan Belia : Beberapa Pemerhatian Penting***. Kertas kerja dibentangkan di Majlis Perundingan Belia negeri Sembilan, bagi Sidang 1996.

Rogers, D (1981), ***Adolescents and Youth***. Englewood Cliffs : Prentice Hall.

Samsudin A. RAhim (1994), ***Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja***. Laporan Kajian Anjuran Kementerian Belia dan Sukan dengan Kerjasama UKM, UM, UPM, USM, UTM dan UUM.

Syed Omar Syed Agil Al-Attas (1995), ***Wawasan Pembangunan Negara Tahun 2020 : Pengindustrian, Moral dan KEilmuan***. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.

Syed Omar Syed Agil Al-Attas dan Salina Haji Zainol (1994), ***Islam dan Cabaran Era Baru***. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.